

USIM anjur Majlis Menjunjung Kasih

NILAI, 30 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini menganjurkan majlis menjunjung kasih bagi menghargai jasa dan bakti Tunku Ampuan Najihah Tunku Besar Burhanuddin yang menamatkan tugasnya sebagai Canselor universiti berkenaan hari ini.

Majlis diadakan di dataran Canselori dan dihadiri oleh lebih 1,500 orang termasuk kakitangan dan mahasiswa universiti berkenaan.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Md. Noor dan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda.

Tunku Ampuan Najihah telah dimasyurkan sebagai Canselor pada 9

lama sembilan tahun memayungi universiti berkenaan, baginda gem-bira melihat kesungguhan dan komitmen kakitangan USIM mem-bawa perubahan dan kemajuan uni-versiti berkenaan.

Muhamad pula dalam ucapannya pula berkata, bakti Tunku Ampuan Najihah terhadap USIM amat besar, terutama dalam memainkan peran-an untuk penarafan USIM sebagai sebuah universiti penuh daripada sebuah institusi yang berstatus ko-lej universiti.

Katanya, sejak konvokesyen per-tama pada 2003 hingga kini, USIM telah melahirkan 5,233 graduan dan ramai antara mereka berjaya dalam pelbagai sektor. - BERNAMA



Ogos 2003 dan merupakan Canselor pertama USIM.

Dalam ucapan pada majlis itu, Tunku Ampuan Najihah berkata, se-



MUHAMAD Muda (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin (tengah) sambil diperhatikan oleh Mohamad Yusof Md. Noor (kiri) pada Majlis Menjunjung Kasih Tuanku Canselor di Dataran Canselori Bangunan Canselori USIM, Nilai, semalam.